

Tidak wajar babitkan Dr. M

UM-4/10/2006

KUALA LUMPUR 3 Okt. - Walaupun Lee Kuan Yew meminta maaf, namun tindakannya mengheret bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad ke dalam isu masyarakat Cina Malaysia dipinggirkan adalah satu cubaan 'menangguk di air keruh'.

Ketua Penerangan UMNO, Tan Sri Muhammad Muhd. Taib berkata, tindakan Kuan Yew itu bukanlah suatu bijak kerana membatikan Tun Dr. Mahathir Mohamad di atas iklim politik yang berlaku di negara ini.

"Tindakan Kuan Yew menghebahkan kepada umum 'a decade of troubled relations' (hubungan bermasalah selama sedekad) dengan bekas Perdana Menteri memberikan gambaran pemimpin Malaysia, pemimpin UMNO dan orang Melayu suka menimbulkan masalah.

"Ini sesungguhnya satu penghinaan yang tidak seharusnya diluahkan oleh seorang pemimpin negara jiran kerana pemimpin yang menjadi Perdana Menteri Malaysia dipilih oleh ahli-ahli UMNO serta seluruh rakyat pelbagai kaum secara demokrasi," katanya.

Beliau berkata demikian dalam satu kenyataan bagi mengulas surat penjelasan Kuan Yew kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berhubung dakwaan bahawa masyarakat Cina di Malaysia dipinggirkan secara sistematik, telah meminta maaf kerana kenyataannya itu menyebabkan ketidakselesaian kepada Perdana Menteri.

Katanya, perkara itu tidak langsung diingini beliau selepas melalui hubungan bermasalah selama sedekad dengan pemimpin sebelum Abdullah.

Muhammad dalam hal ini berkata, UMNO menyambut baik tindakan meminta maaf daripada Kuan Yew itu.

"Bagaimanapun, secara tegas kita berpendirian bahawa Kuan Yew tidak wajar mengaitkan isu berkenaan dengan bekas-bekas pemimpin di Malaysia, apatah lagi bekas-bekas Perdana Menteri dari kalangan pemimpin UMNO yang banyak sumbangannya kepada bangsa dan negara," katanya.